

**“BERSEPADU MEMPERKASA MANDIRI BANGSA” :
DARI MANA KITA MULAI¹**

Oleh:

Profesor Madya Dr. Haji Hashim Bin Haji Abd. Hamid
Barong-Barong Pabalat
Simpang 1761-30, Kampung Tanjung Nangka,
Negara Brunei Darussalam

“Orang-orang yang jika kami tinggikan kedudukan mereka di muka bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang (solat), menunaikan zakat, menyuruh membuat yang makruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar; dan kepada Allah-lah kembali segala urusan” (Al-Qur’an, Surah Al-Hajj, ayat 41).

Tanpa mengetepikan hubungan vertikal kepada Ilahi, kertas kerja ini akan memfokuskan secara ijmali hubungan horizontal dan interaktif bangsa Brunei dalam menterjemahkan slogan/moto/kata sakti yang terungkap dalam menyambut hari kemerdekaan negara ini. Interaktif dan hubungan horizontal yang dilihat bukanlah sifatnya menoleh sejarah secara total, tetapi ia berbicara tentang samudera masyarakatnya. Permasalahan kertas kerja ini adalah untuk melihat bagaimana pbumian pegangan monoteisme, persoalan tanggungjawab sosial dan kotak budaya fikir bangsa Brunei untuk mengangkat daulah negara bangsa. Salah satu pengisian yang sifatnya fundamental dalam melihat permasalahan ini ialah bagaimana golongan pencerahan, ilmuan, intelektual dan pemutus dasar serta institusi yang berkaitan berperanan bagi melahirkan kesedaran rahmatan lil alamin, keibupertiwian, reformasi masyarakat dan memberi wajah kepada daulah watan ini dalam menyongsong tatanan baru dunia. Dalam hubungan ini dua perspektif akan digunakan, iaitu perspektif ilahiah dan perspektif sosiologi agama, dapatan dari permasalahan ini akan menjadi saranan kepada social engineering dan keutuhan negara bangsa yang dicita-citakan.

Dari perspektif ilahiah (agama Islam) ada tiga sebab sesuatu golongan/kumpulan/bangsa memperoleh kemenangan. Pertama kemenangan itu ditentukan oleh Allah secara mutlak. Kedua jika sesuatu bangsa itu menolong agama Allah maka Allah akan menolong bangsa itu untuk meraih kemenangan. Ketiga jika



sesuatu bangsa itu dapat melahirkan, menghormati dan menghargai golongan beriman/berilmu/bertaqwa maka rahmat dan kemenangan akan dilimpahkan kepada bangsa berkenanan.

1. Kemenangan Daripada Allah

Kaedah atau cara ini adalah autoriti daripada Allah. Jika Allah hendak memenangkan sesuatu kaum, maka tidak siapa pun boleh mengalahkannya waimapun musuh yang dihadapi itu memiliki kekuatan dan bala tentera yang banyak:

إِن يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِن يَخْذُلْكُمْ فَمَنْ
ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مِنْ بَعْدِهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ
الْمُؤْمِنُونَ

“Jika Allah menolong kamu, maka tidak ada orang yang dapat mengalahkan kamu; jika Allah membiarkan kamu (tidak memberi pertolongan), maka siapakah gerangan yang dapat menolong (kamu) selain Allah sesudah itu? Kerana itu, hendaklah kepada Allah sahaja orang-orang mukmin bertawakkal”. (Al-Qur’an, Ali - Emran, ayat 160).

إِذْ تَسْتَعِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُمْ
بِأَلْفٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُرَدِّينَ. وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَى
وَلِتَطْمَئِنَّ بِهِ قُلُوبُكُمْ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ
عَزِيزٌ حَكِيمٌ

“Ingatlah, ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhanmu, lalu diperkenankan-Nya bagimu; “Sesungguhnya Aku akan mendatangkan bala bantuan kepada kamu dengan seribu malaikat yang datang berturut-turut”. Dan Allah tidak menjadikannya (mengirim bala bantuan itu), melainkan sebagai khabar gembira dan agar hatimu menjadi tenteram kerananya. Dan kemenangan itu hanyalah dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana” (Al-Qur’an, Surah Al-Anfal, ayat 9-10).

“Tidak ada kesanggupan kami pada hari ini untuk melawan Jaluth dan tenteranya”. Orang-orang yang meyakini bahawa mereka akan menemui Allah berkata: “Berapa

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam *Seminar Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-21, Negara Brunei Darussalam*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, 30-31 Mac 2005.

banyak terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah. Dan Allah beserta orang-orang yang sabar” (Al-Qur’an, Surah Al-Baqarah, ayat 249).

2. Kemenangan Tercapai Jika Menolong Agama Allah

Apakah yang dimaksudkan dengan menolong agama Allah? Persoalan ini akan dapat dijawab jika seseorang atau sesuatu kaum itu mengetahui dari mana dia wujud, untuk apa dia wujud dan ke mana akhir kewujudannya. Dalam Al-Qur’an menjelaskan “Tidaklah aku jadikan manusia dan jin itu melainkan untuk mengabdikan kepada-Ku”. Pengabdian secara ringkas bermaksud menjalankan dan mematuhi perintah Allah dan tidak melakukan apa yang dilarang oleh Allah. Dengan tegas hal ini tersimpul “amal makruf dan nahi mungkar”, dan dalam masa yang sama hamba Allah itu berfungsi hidupnya sebagai makhluk yang sebaik-baiknya dijadikan oleh Allah, lantas dia menyebarkan risalah Allah iaitu Tauhid, Syariah dan Akhlak. Hal ini selari dengan firman Allah Subhanahu wa Taala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تَنصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ
أَقْدَامَكُمْ

“Hai orang yang beriman, jika menolong agama Allah, nescaya Allah akan menolongmu dan menegakkan kedudukanmu” (Al-Quran, Surah Muhammad, ayat 7).

وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَعَزِيزٌ

“Sesungguhnya Allah pasti menolong orang-orang yang menolong agama Allah, sesungguhnya Allah benar-benar Mahakuat dan Mahaperkasa” (Al-Qur’an, Surah Al-Hajj, ayat 40).

Dalam hubungan ini, seseorang atau sesuatu umat yang menolong agama Allah itu menyematkan dalam kalbunya bahawa mereka bekerja kerana Allah dan mereka berlumba-lumba untuk meraih pahala, kerana pahala itu adalah prestasi yang dinilai oleh Allah. Lalu mereka beslogan; “Bekerja itu ibadah berprestasi itu indah”.



3. Kemenangan Dilimpahkan Jika Ada Golongan Beriman

Apabila kita berbicara tentang orang beriman dalam masyarakat bukanlah bermakna orang beriman ini makhluk yang turun dari langit. Mereka diasuh, dididik, dibimbing dan ditatar melalui proses keilmuan, latihan dan ujian guna memantapkan keyakinan dan mengakrapkan hubungan hablum minallah, hablum minannas dan berfungsi sebagai rahmatan lil alamin. Kerana itu keredhaan, keikhlasan dan ketaqwaan adalah sebagai pakaian mereka. Golongan ini dapat disebut sebagai para ulama dan ilmuwan yang beriman. Jika kewujudan^{nya} dalam masyarakat, digalati, dihormati serta diminta nasihat dan pelajaran daripada mereka, maka keberkahan pasti akan datang.

هُوَ الَّذِي آتَاكَ بِنُصْرِهِ وَالْمُؤْمِنِينَ

“Dialah yang[^] memperkuat dengan pertolongan-Nya dan dengan para mukmin dan yang mempersatukan hati mereka (orang-orang yang beriman)” (Al-Qur’an, Surah Al-Anfal, ayat 62).

Dan ketika perang Badar orang-orang beriman itu ditolong oleh Allah seperti firman-Nya:

إِذْ يُوحِي رَبُّكَ إِلَى الْمَلَائِكَةِ أَنِّي مَعَكُمْ فَثَبَّتُوا
الَّذِينَ آمَنُوا

“(Ingatlah) ketika Tuhanmu mewahyukan kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku bersama kamu, maka teguhkanlah (pendirian) orang-orang yang telah beriman” (Al-Qur’an, Surah A-Anfal, ayat 12).

Dalam jangka 21 tahun kita merdeka sudahkah kita berjaya melahirkan generasi Brunei Oriented Gentleman (BOG) atau Muslim Oriented Gentleman (MOG) yang berada di barisan hadapan, atau masihkah kita kental dengan ramuan penjajah dan blok Barat yang dilabelkan dengan (WOG) Western Oriented Gentleman. Andaian kita bahawa generasi BOG yang kita impikan itu sudah lahir dan berdiri serta memacu keperkasaan bangsa apabila tema demi tema hari kemerdekaan kita

handalkan, jika tidak, maka kita masih berposisi upar, kita sekadar berpesta iski dalam menyambut hari kemerdekaan. Lalu bagaimana?

Generasi BOG yang kita dambakan itu haruslah sifatnya bertunjang, berpohon, berpucuk dan berbuah bagi “mempertahankan” daulah watannya. Generasi berkenaan harus menjadi generasi yang komited kepada keibupertiwiannya dan kekalbuannya kepada monoteisme. Semua hal ini harus memberi makna dan dapat mensejajarkan nilai, visi, misi dan aksinya dalam garis vertikal dan horizontal dalam kehidupannya. Generasi BOG yang kita impikan itu adalah:

1. Generasi Bernasab Islam

Generasi ini adalah generasi kemenangan yang identitinya adalah muslimin. Nama Islamnya bukan sekadar apa yang tercatat dalam pasportnya dan apa yang tersusurgalur dalam carta keturunannya. Mereka memeluk Islam kerana keyakinan yang diperolehinya melalui proses belajar, memahami, menghayati dan sepanjang hayatnya meyakini Islam sebagai cara hidup. Hal ini diyakininya dengan kefahaman tentang firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Al-Qur'an, Surah Al-Ma'idah ayat 3 yang berbunyi:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي
وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

“Pada hari ini Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Kucukupkan kepadamu ni'mat-Ku, dan telah Kuredhai Islam itu sebagai agama bagimu” (Al-Qur'an, Surah Al-Ma'idah, ayat 3).

Dan demikian juga dengan ketetapan Allah dalam Al-Qur'an yang berbunyi:

وَمَنْ يَتَّبِعْ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي
الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

“Barang siapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat nanti termasuk orang-orang yang rugi” (Al-Qur'an, Surah Ali Emran, ayat 85).

Generasi yang mengakui bernasab Islam menentang setiap penyelewengan dan sifat derhaka kepada Allah. Mereka tidak pernah bekerja atau mengataskan kepentingan dirinya. Mereka bekerja, berkreaitif, berjuang dan kesetiaannya hanya untuk Islam. Pendek kata perjuangan mereka ini dapat diungkapkan dalam rangkap syair Arab:

“Ayahku adalah Islam, dan tidak ada ayah bagiku selain Islam,
ketika orang lain membanggakan diri dengan suku Qais atau Tamim”

2. Generasi Beradap

Pegangan generasi ini tidak dan tidak bukan melainkan mengataskan adap Islam daripada adap budaya, namun jika adap budaya itu sejajar dengan adap Islam maka keadaan itu memperkayakan adap budaya itu. Sebagai contoh, mereka melihat dan berfahman dengan baik tentang pakaian menutup aurat itu adalah pakaian agama, bukan pakaian adat dan budaya atau pakaian kerana peraturan kerja. Mereka akan memakan makanan yang yang halal lagi baik. Generasi ini tidak akan minum air jika mereka tidak tahu sumbernya. Oleh sebab generasi ini hidup dalam lingkungan kosmos Melayu, maka kehidupannya tetap tidak menghilangkan jati dirinya sebagai bangsa yang beradat dan beradap, namun Islam tetap menjadi pamornya. Kerana itu lahirlah slogan Melayu yang tercatat sebagai tradisi agung bangsa Melayu, iaitu “Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah”.

Semua gerak geri, pola fikir dan tindakannya generasi ini berdasarkan kaedah Islam, namun jika ada golongan mencabar atau menghina Islam dia tetap kental sebagai barisan jihad (tindakannya melalui ilmu, perbincangan dan terakhir dia akan menggunakan tenaganya). Generasi ini dapat dikatakan sebagai “generasi yang hidupnya terhormat dan matinya sebagai pahlawan”.

3. Generasi Bekarih

Generasi ini adalah generasi yang berpantang berpeluk tubuh berpangku tangan yang sekadar gagah menyanyikan kejayaan dan kebesaran dato nenek mereka. “Bekarih berisi marih” tersemat dalam pola fikirnya. Generasi yakin dan percaya yang pipih tidak akan datang melayang dan yang bulat tidak akan datang bergolek. Mereka

berkata “inilah aku”, lalu mereka bekerja sungguh-sungguh dan kreatif, pegangan usahanya ialah hari esok lebih baik daripada hari ini. Mereka berpegang kepada amal dan usaha. Kerana mereka yakin beramal dan berusaha adalah serampang dua mata iaitu untuk meni’mati kebahagiaan dunia dan kebahagiaan di akhirat:

فَإِذَا نُفِثَ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ
وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَبِيرًا
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

“Apabila telah ditunaikan sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung” (Al-Qur’an, Surah Al-Jumu’ah, ayat 10).

4. Generasi Rabbani

Generasi ini adalah termasuk salah satu golongan yang dinaungi oleh Allah pada suatu hari yang tidak ada naungan lain selain naungan-Nya. Generasi ini tahu dari mana untuk apa dan ke mana akhir hidupnya. Dengan kata lain generasi ini mencintai dan membenci sesuatu kerana Allah. Kerana itu mereka menjalankan agama Allah dengan ikhlas. Berjuang untuk mengabdikan kepada Allah, hal ini sesuai dengan firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah Al-Annam, ayat 162:

قُلْ إِنْ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ

“Katakanlah, “Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam, tiada sekutu bagi-Nya”.

Generasi ini tidak mengharapkan dunia sebagai matlamat hidupnya, mereka sentiasa mengharapkan keredhaan Allah. Kerana itu mereka yakin bahawa selain Allah dan ni’mat Allah adalah kefanaan belaka. Lantas mereka benar-benar menghayati dan membumikan firman Allah:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

“Hanya kepada Engkaulah kami menyembah dan hanya kepada Engkaulah kami mohon pertolongan” (Al-Qur’an, Surah Al-Fatihah, ayat 5 ♡).

Generasi ini tidak menjadi budak kepada Tuan-Tuan, hawa nafsu, kurafat dan tangkal azimat yang membawa kesyirikan. Hal ini sesuai dengan firman Allah:

“Sembahlah Allah dan jauhilah Thaghut” (Al-Qur’an, Surah Al-Nahl, ayat 36).

5. Generasi Jihad

Jihad merupakan mahkota umat Islam. Mereka yang tidak memakai dan membuang mahkotanya bermakna mereka telah mencabut harga diri dan kehormatannya baik sebagai individu mahupun umat. Perlu dicatat bahawa salah satu kekeliruan kita terhadap takrif jihad ialah ia hanya dirujuk tentang perang suci (the holy war) sehingga ia dibayangkan dengan panah, lembing, peluru, pertempuran, darah atau membunuh. Pada hakikatnya istilah jihad itu ijthid dan mujahadah. Ijthid adalah usaha yang sungguh untuk menggaji potensi alam melalui cara berfikir atau ilmu (intelektual). Sementara mujahadah pula adalah kesungguhan seseorang untuk menggali potensi kebenaran, menyelami samudera hakikat yang sejalur dengan potensi spiritual. Maka seluruh potensi jihad, ijthid dan mujahadah adalah elemen teras dan bersepadu dalam jiwa seseorang yang digelar ulil albab. Kesimpulannya ialah bahawa jihad tidak selamanya makna tunggal iaitu perang secara fizik.

Lantas dalam bahasa yang cukup mudah bahawa generasi jihad itu adalah seorang gentleman jika berhadapan dengan musuh yang menghina Islam. Dia tidak statik berserah kepada takdir semata-mata tanpa usaha untuk mengubah nasib bangsa/umat, hal ini sejajar dengan anjuran Al-Qur’an “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri” (Al-Qur’an, Surah Ar-Ra’d, ayat 11). Justeru ia mewujudkan cita-citanya (the spirit of jihad) dengan menanamkan semangat bersungguh-sungguh, semangat berkorban untuk mewajarkan bangsa/umat sebagai bangsa/umat contoh – seri teladan. Cita-cita ini bukan slogan kosong, ia bekerja keras untuk menabalkan keimanan bangsa/umat dan semangat perubahan (spirit of change), lantas ia membasmi kejahilan, kemiskinan, kemunduran, kefasadan dan segala hal

yang bertentangan dengan keterbelakangan dan kezaliman umat; alat yang digunakannya ialah ilmu dan kepakaran yang dimilikinya, ia terjun ke gelanggang, ia tidak kaya dengan cakap-cakap tanpa kerja dan tindakan “**men with action** bukan **men with words**”.

Maka, generasi jihad adalah generasi ^{yang} sanggup berkorban apa sahaja. Generasi ini menempatkan Islam di tempat yang amat mulia dan dunia bagi mereka adalah hanya sebagai alat untuk mewajarkan agama berada di puncak. Dengan kata-kata lain generasi ini berkata lantang dan bekerja “demi umatku bukan demi diriku”. Slogan ini menterjemahkan firman Allah dalam Al-Qur’an, Surah Fushshilat, ayat 33:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا
وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

“Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang saleh dan berkata: “Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri” (Al-Qur’an, Surah Fushshilat, ayat 33).

6. Generasi Masjid

Generasi ini adalah sebuah generasi ia melupakan dan benci keada maksiat, kefasadan, dan mengajak orang untuk terus berjuang memantapkan hubungannya dengan Allah (Hablum Minallah) dan hubungannya dengan manusia (Hablum minannas), tugas ini dilakukan demi membumikan tanggungjawabnya sebagai rahmatan lil alamin.

Generasi ini dalam kehidupannya menterjemahkan akhlak dan tata tertib masjid dalam lingkungan rumahnya, jirannya, kampungnya dan negaranya. Akhlak dan tata tertib masjid dijadikan sebagai passport, visa dan kain bajunya di luar negeri. Al-Qur’an yang dibawanya belayar bukan dijadikan sebagai penolak bala tetapi dibacanya, direnungkannya maknanya dan sentiasa memandunya bila dan di mana pun ia berada, kerana masjid dan Al-Qur’an adalah tempat tinggal landas dan kompas untuk menuju arah yang diredhai oleh Allah Subhanahu wa Taala. Atas hakikat inilah ia terus berjuang menyebarkan risalah ilahi dan bertekad menjadikan negara ini sebagai julukan negara seribu masjid bukan negara melambai maksiat.

7. Generasi Bijaksana/Berbudaya Ilmu

Generasi ini adalah generasi orang-orang beriman, teguh pendirian selalu berusaha untuk bersikap semasa tanpa menggadaikan ketauhidannya. Generasi ini sadar dan insaf bahawa mereka mempunyai tanggungjawab terhadap Khaliknya, dirinya keluarganya dan masyarakatnya, lantas generasi ini tidak suka terbabas dari batasan, mereka tidak mahu memudarat dan merugikan orang lain. Ciri teras generasi ini adalah membimbing, mengajar dan mencurahkan ilmunya kepada orang lain, dia menjalankan dakwahnya dengan seri teladan dan kasih sayang dan jika mereka menghadapi kritikan terhadap agamanya ia tampil dan sudi berbincang dengan hikmah. Hal ini sejajar dengan kaedah daripada Allah:

اذْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ
وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik” (Al-Qur’an, Surah Al-Nahl, ayat 125).

Sementara urutan kebijaksanaan pula ialah generasi berbudaya ilmu, generasi ini mengaplikasikan Hadith Nabi Muhammad Salallahu ‘Alaihi Wassalam yang sering kita ikuti; “Jika kamu mengkehendaki kebahagiaan di dunia adalah dengan ilmu, jika kamu mengkehendaki kebahagiaan di akhirat adalah dengan ilmu; dan jika kamu mengkehendaki kebahagiaan kedua-duanya juga adalah dengan ilmu”. Generasi ini menterjemahkan konsep Iqra seperti yang akan kita bincangkan kemudian.

Jika kebijaksanaan dan budaya ilmu ini merata, maka bangsa/umat kita akan menjadi *knowledge based society*, bangsa/umat akan menjadi celik “aksara” (membaca, memahami, mengkaji, mengkritik dengan hikmah, dapat memberi perimbangan antara ilmu yang hak dan batil, menyebarkan perolahannya kepada masyarakat, menguasai IPTEK) dan mengambil manfaat dari kecanggihan sistem langit terbuka serta berani menyongsong tatanan baru dunia. Maka itu jika dia di sekolah dia menjadi guru dan pembimbing yang boleh menjadi adiguru dan adipembimbing. Jika dia berada di peringkat yang lebih tinggi (Universiti) dia menjadi cendekiawan, nara sumber, sarjana “sarang” bukan sarjana “awak” atau sarjana yang sudah monopus.



Dalam permasalahan membina generasi impian di atas kita pun lalu bertanya; Bagaimana membentuk generasi tersebut? Apakah generasi di atas sesuatu yang ideal, yang mungkin tidak tercapai, atau kita nanti menanggung risiko. Bangsa yang menyerah sebelum melangkah yang kerjanya sebagai menunggu bakat adalah bangsa yang hanya bersyukur untuk menerima bekas. Bangsa yang takut menerima risiko adalah bangsa yang mumu. Apakah kita akan sampai ke hujung sedang kita belum mulai? Lantas kita ajukan hal berikut, iaitu sekurang-kurangnya ada empat “institusi” yang boleh dilihat dan berperanan untuk merealisasikan impian kita, iaitu:

1. Keluarga Sakinah
2. Pendidikan
3. Lingkungan
4. Kepimpinan

1. Keluarga Sakinah

Secara umum keluarga sakinah diartikan bahawa sebuah keluarga itu tenang, tenteram, bahagia dan sejahtera lahir batin. Kemunculan istilah keluarga sakinah ini berdasarkan firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Al-Qur’an, Surah Ar-Rum, ayat 21 yang intinya mengatakan bahawa tujuan berumah tangga adalah untuk mencari ketenangan dan ketenteraman atas dasar mawaddah dan rahmat, saling cinta mencintai antara keluarga, sama ada bentuk keluarga nuklear apatah lagi keluarga dalam bentuk extended (besar).

Dalam zaman moden ini penelitian telah dibuat bahawa keluarga sakinah itu dapat dibahagikan kepada tiga kategori:

a) Keluarga Sakinah I

Keluarga ini dibentuk dalam pernikahan yang sah, tetapi tidak dapat memenuhi keperluan asas yang berhubung dengan spiritual dan material. Keperluan materialnya masih berkehendakkan subsidi.



b) Keluarga Sakinah II

Keluarga ini sudah dapat memenuhi keperluan asas spiritual dan material, tetapi belum dapat memenuhi keperluan psikologi seperti pendidikan, bimbingan agama dan belum mantap interaksi sosial agama dalam lingkungannya. Keperluan materialnya sebahagiannya masih berkehendakkan subsidi.

c) Keluarga Sakinah III

Keluarga Sakinah III ini merupakan impian dan perlu kita bentuk secara bersistem. Keluarga Sakinah III adalah keluarga yang mantap, ia sudah dengan baik dapat memenuhi keperluan spiritual dan materialnya. Mempunyai pendidikan agama dan dunia yang mantap serta dapat mengimbangi keperluan Ilahi dan duniawi. Keluarga ini sudah mantap interaksi sosial agama dengan lingkungannya, ketakwaannya menjadi idola, tanggungjawab sosialnya harmoni. Dan dalam semua keadaan keluarga ini terpimpin dan menjadi seri teladan.

Keluarga Sakinah III merupakan suatu keluarga terpilih dan menjadi halaman subur untuk mengembangkan zuriat (anak), kerana anak adalah amanat Allah, maka kelangsungan daripada ini akan lahir manusia kamil, iaitu sebagai generasi bertaqwa, generasi Islam tulen; dan akhirnya terciptalah masyarakat yang sejahtera dan membangun negara bangsa yang dijuluki sebagai negara tadahan rahmat.

2. Pendidikan

Sistem pendidikan harus mengarah kepada amal makruf nahi mungkar. Pendidikan yang diterima harus bermanfaat kepada anak didik, kepada orang lain dan lingkungan sesuai dengan tugas manusia itu sendiri sebagai rahmatan lil alamin. Justeru pendidikan itu harus menggarisbawahi falsafah pendidikan yang bersepadu dan penerusan untuk:

1. Menegakkan dan memantapkan risalah Islam iaitu tauhid, syariah dan akhlak.



2. Menghayati aspirasi negara ini sebagai negara Islam dan kebangkitannya adalah bersumber daripada ketuanan Melayu dan tamadun Islam.

3. Menginsafi bahawa negara ini meletakkan keutamaan yang tinggi ke atas pendidikan sebagai saranan utama untuk pembangunan dan kemandirian bangsa yang diredhai oleh Allah Subhanahu wa Taala.

4. Meyakini bahawa pendidikan negara berperanan sebagai sarana pembinaan insan kamil dan pembinaan negara bangsa secara menyeluruh.

Falsafah pendidikan di atas merupakan pencirian pendidikan Islam, yang dapat kita disimpulkan seperti yang diutarakan oleh Dr. Yusuf Al-Qardawi bahawa pendidikan Islam itu adalah “pendidikan manusia seutuhnya: akal dan hatinya, rohani dan jasmaninya, akhlak dan ketrampilannya”.

Jika demikian apakah yang wajar kita perhatikan dalam pembelajaran? Sekurang-kurangnya kita harus memahami, menyedari dan bertindak lanjut beberapa elemen yang boleh kita garisbawahi:

i. Pembelajaran bukan menelaah mata pelajaran demi kepentingan peperiksaan dan sedaya upaya melunaskan sukatan pelajaran. Apa yang harus diperhatikan ialah manfaat dan ketarbiyahan mata pelajaran yang berkenaan. Untuk keberkesanan maka mekanisme yang bersifat ta'dib harus dijadikan landasan pendidikan

ii. Guru mengajar dan murid belajar secara total bukan kaedah terbaik, kerana itu disarankan mekanisme ta'bid disebarluaskan. Dalam hal yang sama guru harus menjadi pembimbing, seri teladan dan menjadi idola.

iii. Di peringkat awal persekolahan anak didik diajar dan dibimbing untuk bagaimana pentingnya nilai murni, keburukan kefasadan, berkat kesatuan dan mencerahkan kebolehan dan kepintaran mereka. Di peringkat pengajian tinggi hal yang tersebut di atas diteruskan dan terus mengarah kepada kepentingan ilmu dalam kehidupan. Pada tahap ini tradisi menimba ilmu dan menjadi seseorang pencerah amat diperlukan, mementingkan kepentingan pasaran bukan matlamat sesebuah institusi ilmu.



iii. Sekolah harus dijadikan “taman” di dalamnya tumbuh pohonan ilmu, bunga, ranting dan daun dan buahnya boleh dipetik dan dipelajari untuk memandu kehidupan.

3. Lingkungan

Apa yang kita maksudkan lingkungan ialah alam dan isinya yang berada disekeliling, sama ada alam itu berbentuk tabie (nature atau semulajadi) atau yang diciptakan oleh manusia. Dalam hubungan ini nilai keluarga, pendidikan dan masyarakat serta sistem langit terbuka merupakan lingkungan yang banyak mewarnai kepositifan dan kenegatifan kita. Jika kita dapat berperanan dan menguasai lingkungan dengan baik, maka tugas kita sebagai rahmatan lili alamin itu akan dapat dituai buahnya, tetapi jika sebaliknya kita akan menjadi kumpulan yang fasad dalam lingkungan. Lalu, masyarakat atau bangsa yang mandiri itu adalah bangsa yang berperanan dan menguasai lingkungan.

4. Kepimpinan

Pemimpin tidak seharusnya disukat dengan sukatan kebestarian luaran seperti yang dirincikan oleh Max Weber, iaitu pemimpin itu harus terangkat melalui salah satu atau lebih dari tiga keadaan seperti di bawah:

- a) Berdasarkan waris
- b) Berdasarkan legitimasi
- c) Berdasar karisma

Dari sisi monoteisme kepimpinan atau pemimpin itu harus menterjemahkan konsep Iqraq dalam kehidupan yang sifatnya vertikal dan horizontal. Pemimpin yang berkonsepkan Iqraq akan membuahakan akhlakul karimah. Sementara itu dalam urusan keduniaan pemimpin itu harus pula dilihat *traits* kepimpinan, maka kepimpinan atau pemimpin itu harus memenuhi keperibadian yang mencakupi 12 C, iaitu *credible* (orang yang dapat dipercayai), *confidence* (percaya diri), *conscience* (sikap dan kesedarannya terhadap moral), *courage* (orang yang memiliki keberanian),

consequence (orang yang sanggup menghadapi dan menerima risiko), *commitment* (sanggup berkorban dan komited), *care* (pedulian dan kasih sayang), *competence* (menguasai bidang), *cooperative* (bekerjasama), *conviction* (dapat meyakinkan orang lain), *creative* (kreatif yang tinggi) dan *communication* (ketrampilan berkomunikasi). Dalam kehidupan orang Melayu kepimpinan ini diibaratkan dan bersikap seperti:

“Tanduk ditanam
Daging dilapah
Kuah dikacau”.

Konsep Iqra' dapat kita fahami dalam kefalsafahannya yang wujud daripada huruf Iqra' itu sendiri.

اقرأ


Alif = Merupakan titik bermula dengan pegangan monoteisme, ketauhidan yang murni kepada Allah Subhanahu wa Taala.

Qap = Merupakan kalbu (conscience) yang terisi Al-Qur'an dan menterjemahkannya dalam kehidupan. Sementara qap yang ditandai dengan dua titik di atas mengarahkan kita untuk mengisi hati atau kalbu dengan perisian akhlak yang sumbernya adalah Al-Qur'an dan Sunnah Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam. Dan dalam qap ini juga mengandungi ciri-ciri 12 C di atas.


Ra = Sifat rahmatan lili alamin. Dan dalam Ra ini juga tercakup 12 C di atas.

Alif = Merupakan akhir dari titik permulaan di atas, iaitu bahawa kita akan kembali kepada Allah Subhanahu wa Taala.

Dari persepsi yang lain bahawa Iqra' bukan diertikan dengan membaca sahaja, tetapi ia juga membawa pengertian menelaah, menganalisis, menghimpun, mengkaji, menyusun dan lain-lain, yang kita simpulkan sebagai ILMU, iaitu ilmu yang mengenalkan dan mentauhidkan Allah, ilmu yang menjalankan pentadbiran dunia, ilmu yang dapat berfungsi sebagai rahmatan lil alamin, dan dengan ilmu kita mengakhiri sejarah hidup kita.



Sejalan dengan konsep Iqra' keberadaan kita sebagai pemimpin yang diberi julukan akhlakul karimah itu wajar dicermati, maka rajah berikut dapat meijmalkan hal yang tersebut, iaitu yang terikat dari rantai ketauhidan, profesionlisme dan akhlak:



Jika pencirian kepimpinan atau pemimpin di atas dapat dipenuhi dan berfungsi, maka kita telah berjaya membentuk kepimpinan yang sejajar dengan kehendak dan citra bangsa. *“Leaders must fulfill three functions:... provide for the well-being of the led, provide a social organization in which people feel relatively secure, and provide them with one set of belief”* (Para pemimpin mestilah memenuhi tiga fungsi:... Pertama, memberikan kesejahteraan kepada orang yang dipimpinnnya. Kedua, mewujudkan sebuah organisasi sosial yang memberikan rasa selamat kepada para ahlinya. Dan ketiga, memberikan kepada pengikutnya satu sistem kepercayaan).

Dari pemecahan masalah yang kita utarakan di atas, iaitu yang bermula dari pembinaan generasi sehingga mekanisme bagi mewujudkan dan melihat peranan yang perlu dicermati oleh beberapa institusi yang berkaitan untuk melahirkan cermin asli bangsa dan keperibadiannya dalam memberi wajah kepada kemerdekaan negara ini, maka perbincangan kita itu dapat diijmalkan seperti carta berikut:

**CERMIN DAN KEPERIBADIAN BANGSA
(BOG/MOG)**

NILAI	VISI	MISI	AKSI
Spritual	Menuju Akhirat	Menunaikan Tanggungjawab Menyebarkan Risalah Islam	Khalifah Di Bumi
Keluarga	Mengaji dan Beramal, Kepimpinan yang bertaqwa	Keluarga Sakinah III	Kepala Keluarga , Berperanan Sebagai Uswatun Khasanah
Kerjaya	Bekerja untuk masa depan	Amanah Profesional Akhlak yang tinggi	Berpresatif, mandiri Masa Depan dan Daya Saing
Sosial	Citra Al-Amin	Rahmatan lil Alamin Dan Sirajam Muniran	Berkhidmat dan Dan Memberi Erti Kepada Kehidupan Yang Bermakna

Kesimpulan

Untuk mencapai dan merealisasikan slogan kemerdekaan kita pada tahun ini, maka perlulah kita membangsi dan bermuhasabah diri, iaitu dengan mempersoalkan apakah ramuan yang kita miliki selama ini dapat kita olah dengan baik dan berkhasiat. Olahan itu perlu kita mulakan dengan melahirkan generasi Islam tulen, keluarga yang dirahmati Allah, pendidikan yang melihat roh ilahi tanpa mengabaikan kepentingan dunia, lingkungan yang sifanya seribu masjid dan kepimpinan yang berpamor Islam



dan berbudaya intelek. Dan dalam masa yang sama kesepaduan unsur-unsur di atas dengan pilar-pilar primer, iaitu tauhid yang mengesakan Tuhan semesta alam, syariah yang di dalamnya wujud keprofesionalisme diri dan bangsa, dan memiliki akhlak yang tinggi perlu diadunjal dengan baik. Jika tidak, kita hanya akan merenung bulan purnama sedangkan kita tidak mempunyai saham di dalamnya?

Daftar Pustaka

Al-Qur'an


- Abdul A'la Maududi S., *Jatuh Bangun Sesuatu Bangsa*, Pustaka Ikhwan, Kuala Lumpur, 1987.
- Ali Syari'ati, *Tugas Cendekiawan Muslim*, (terj.), CV Rajawali, Jakarta, 1964.
- Ali Syari'ati, *Membangun Masa Depan Islam*, (terj.), CV Rajawali, Jakarta, 1984.
- Ali Syari'ati, *Ideologi Kaum Intelektual: Suatu Wawasan Islam*, (terj.) Penbit Mizan Bandung, 1989.
- Abdul Mu'ti, *Deformalisasi Islam*, Penerbitan Grafindo, Jakarta, 2004.
- Candra Muzaffar, *Proctector*, Aliran, Pulau Pinang, 1979.
- Dr. Hj. Zaitunah Subhan, *Membina Keluarga Sakinah*, Pustaka Pessantren, Yogyakarta, 2004.
- Dr. Siddiq Fadil, *Pemimpin Melayu Era Perubahan*, IKD, Kuala Lumpur, 1993.
- Dra Nuryanis, M. Ag, dan Dra Euis Sri Mulyani, M. Pd. (eds), *Agenda Generasi Intelektual*, Penamadani, Jakarta, 2003.
- Drs. Abdul Rahman Abdullah, *Pendidikan Al-Quran Membina Minda dan Jiwa Cemerlang*, Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1996.
- Dr. Yusuf Qardhawi, *Membentuk Generasi Qur'ani*, Penerbitan Azan, Jakarta, 2002.
- Edward Said, *Orientalism*, Penguin Books, London, 1995.
- Gouldner, A. W., *Studies in Leadership*, New York, 1965.
- Haji Hashim Bin Haji Abd. Hamid, *Junjung Tinggi*, Penerbitan Nusa, Kuala Lumpur, 1993.
- Hai Hashim Bin Haji Abd. Hamid, *Cerocok Budaya Brunei*, Universiti Brunei

- Darussalam, 1999.
- Haji Hashim Bin Haji Abd. Hamid, *Islam Di Brunei Darussalam Satu Analisis Sosio-Budaya*, Universiti Brunei Darussalam, 2002.
- Haji Hashim Bin Haji Abd. Hamid, *Titipan Bawah Peningkah*, Universiti Brunei Darussalam, 2004.
- Haji Hashim Bin Haji Abd. Hamid, *Campur Langkah Bicara*, Universiti Brunei Darussalam, 2004.
- Haji Hashim Bin Haji Abd. Hamid, *Tamadun Brunei: Suatu Dinamika Budaya dan Ketuanan Melayu*, Haji Hashim Bin Haji Abd. Hamid, Brunei Darussalam, 2005.
- Hassan Langgulung, *Asas-Asas Pendidikan Islam*, Pustaka Al-Husni, Jakarta, 1989.
- Hassan Langgulung, *Beberapa Tinjauan dalam Pendidikan Islam*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981.
- Harold, H. Titus, *Living Issues in Philosophy*, New York, 1953.
- K. H. Toto Tasmara, *Membudayakan Etos Kerja Islam*, Gema Insani, Jakarta, 2002.
- Kassim Ahmad, *Teori Sains Sosial Islam*, Fajar Bakti Sdn Bhd, Petaling Jaya 1984.
- M. Quraish Shihab, *Membumikan Al-Qur'an*, (Cetakan XX), Penerbit Mizan, Bandung, 1999.
- Mohd Kamal Hassan, *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1988.
- Mustafa Kamil Ayub, *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah*, Budaya Ilmu Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1994.
- Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, *Corak Pendidikan di Brunei Pada Masa Hadapan*, Majlis Pelajaran Brunei, Bandar Seri Begawan, 1982.
- Prof. Datuk Dr. Wan Hashim Wan Teh, *Pemikir*, Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Kuala Lumpur, Julai-September, 1995.
- S. S. Hussain dan S.A. Ashraf, *Krisis dalam Pendidikan Islam*, (terj. Maso'od Abdul Rashid), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989.
- Syamsul Ariffin, et.al., *Spiritualisasi Islam dan Peradaban Masa Depan* SIPRESS, Yogyakarta, 1996.
- Syed Naquib Al-Attas, *Aims and Objectives of Islamic Education*, King Abdul Aziz University, 1979.

Syed Naquib Al-Attas, *The Concept of Education in Islam*, ABIM, Kuala Lumpur, 1980.

Wan Mohd Nor Wan Daud, *Filsafat Dan Praktik Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas*, Mizan, Bandung, 2003.

Weber, Max, *The Theory of Social and Economic Organisation*, OUP., London, 1949.



18 Safar 1426/28 Mac 2005